

Lelaki asing masuk secara haram dipenjara, disebat dan diusir

MIRI: Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara enam bulan dan sekali sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah atas pertuduhan masuk ke negara ini secara haram.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran selepas selesai menjalani hukuman

penjara kelak.

Tertuduh, Sandi Kam-misi dari Indonesia, membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 6 (1) Akta Imigresen 1959/63 yang turut dibacakan berserta Seksyen 6 (3) akta sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali serta

boleh disebat sehingga enam kali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh telah ditahan polis pada jam 1.30 petang, 25 Ogos lalu di belakang sebuah premis di Simpang Batu Niah untuk tujuan pemeriksaan kerana dipercayai warga asing.

Ketika disoal siasat awal polis, tertuduh yang merupakan warganegara Indonesia

gagal menunjukkan sebarang dokumen perjalanan sah yang membenarkannya masuk dan tinggal di negara ini.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk tindakan lanjut.

Pendakwaan kes dikendalikan ASP Mahadi Hussin di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.